

19 SEP 2002

Khalil-Foto (Bergambar)

MEDIA TEMPATAN WAJAR ADAKAN PAMERAN FOTO PERDANA MENTERI, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Para penerbit akhbar di negara ini wajar mengadakan pameran foto mengenai Perdana Menteri, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

"Jika semua pihak bersetuju secara prinsip, saya boleh panggil satu mesyuarat untuk kita menyelaraskannya dan lepas itu mungkin diserahkan kepada satu jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan anggota media untuk melaksanakannya," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pameran Fotografi Akhbar Sedunia 2002 di Balai Seni Lukis Negara di sini, hari ini.

Khalil juga mencadangkan supaya gambar-gambar yang dipamerkan itu nanti adalah gambar-gambar aksi spontan atau candid semasa Dr Mahathir menjalankan tugas rasmi beliau.

Dalam tempoh masa lebih 20 tahun Dr Mahathir memimpin negara, dianggarkan terdapat tidak kurang daripada 90,000 keping gambar yang menunjukkan aksi secara spontan beliau tersimpan di Perpustakaan RTM.

"Untuk pameran itu, saya harap Tan Sri Kamarul Ariffin dapat menyelaraskannya dan begitu juga RTM. Kita (Kementerian) juga akan beri kerjasama kerana RTM mempunyai perpustakaan yang banyak menyimpan gambar-gambar Perdana Menteri," katanya.

Tan Sri Kamarul Ariffin ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara.

Menurut beliau setakat ini cadangan untuk mengadakan pameran seumpama itu mendapat respon yang baik daripada tokoh-tokoh media tempatan.

Gambar-gambar terbaik yang dipilih daripada setiap syarikat penerbitan akhbar dan agensi berita untuk pameran itu, mungkin dapat dijadikan album sebagai satu koleksi tetap.

Menyentuh mengenai pameran Fotografi Akhbar Sedunia 2002 itu, beliau berkata Kementerian Penerangan akan memberi kerjasama untuk mengadakan promosi mengenai pameran itu melalui televisyen.

Pameran itu adalah sesuatu yang perlu dilihat oleh orang ramai yang berminat tentang fotografi dan juga mereka yang ingin melihat peristiwa penting yang dirakam sepanjang tahun lalu.

"Ia merupakan bahan berita secara bergambar yang meliputi semua subjek penting yang berlaku di seluruh dunia dan bagi golongan pelajar ia adalah satu bahan pendidikan yang baik," katanya.

Pameran Fotografi Akhbar Sedunia 2002 itu turut dihadiri oleh Duta Belanda ke Malaysia, John von Muhlen dan Kamarul Ariffin.

Lebih 200 foto dipamerkan dalam acara itu dan ia bukan sahaja memaparkan foto-foto terbaik media sejak setahun lepas tetapi boleh dilihat sebagai dokumen bersejarah yang merakamkan detik-detik bersejarah bagi dunia pada 2001.

Menurut Setiausaha Kedua Kedutaan Belanda, Jan Kok, setiap tahun satu juri antarabangsa bebas akan memilih foto terbaik yang dihantar oleh jurugambar media, agensi-agensi berita, akhbar-akhbar dan majalah dari seluruh dunia.

Bagi edisi tahun ini, beliau berkata lebih kurang 49,235 foto telah dihantar oleh 4,171 jurugambar dari 123 negara, termasuk penyertaan daripada 28 wartawan Malaysia.

Pameran tahunan itu diadakan di lebih kurang 70 venue di 35 negara dan di Malaysia ia dianjurkan oleh akhbar The Star, serta Utusan Malaysia dan Nanyang Siang Pau sebagai penganjur bersama.

-- BERNAMA  
FA AHH PR